



**INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)**

**SURAT ARAHAN PENGARAH INSTUN BILANGAN 2 TAHUN 2009**

**DASAR DAN GARIS PANDUAN BAGI PEGAWAI/KAKITANGAN INSTUN  
YANG TERPILIH MENGIKUTI KURSUS ANJURAN BAHAGIAN-  
BAHAGIAN DI KAMPUS INSTUN**

**TUJUAN**

1. Surat Arahkan Pengarah INSTUN ini bertujuan menjelaskan dasar, garis panduan dan peraturan yang perlu diikuti oleh semua pegawai/kakitangan INSTUN yang terpilih mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Bahagian-Bahagian bertempat di Kampus INSTUN.

**LATARBELAKANG**

2. Surat Arahkan ini disediakan berikutan keputusan Mesyuarat Pengurusan INSTUN, Bil.2/2009 pada 23 Mac 2009. Mesyuarat memutuskan supaya satu dasar, garis panduan dan peraturan dikeluarkan bagi rujukan semua pegawai/kakitangan INSTUN yang ingin memohon kursus serta seterusnya terpilih mengikuti kursus anjuran Bahagian-Bahagian bertempat di Kampus INSTUN.

3. Tiada satu dasar, garis panduan dan peraturan yang jelas untuk digunakan oleh pegawai/kakitangan INSTUN yang terpilih mengikuti kursus anjuran Bahagian-Bahagian bertempat di Kampus INSTUN. Perkara ini menimbulkan kekeliruan dikalangan pegawai/kakitangan INSTUN.

**TAFSIRAN**

4. **“Peserta Kursus Dalaman INSTUN”** adalah pegawai / kakitangan INSTUN yang mengikuti kursus di Kampus INSTUN;

5. **“Kursus”** bermakna apa-apa kursus atau latihan yang berupa akademik atau praktikal termasuk seminar, bengkel dan persidangan yang dianjurkan oleh INSTUN;

6. **“Penganjur”** bermakna Bahagian-Bahagian yang mengendali dan menguruskan kursus mengikut bidang masing-masing di Kampus INSTUN;

17. Ketua Bahagian/Ketua Sekyen/Ketua Unit adalah dilarang mengganggu pegawai/kakitangan dibawah penyeliaannya semasa kursus dengan memanggil balik ke pejabat serta melakukan tugas pejabat agar mereka dapat menumpukan perhatian sepenuhnya sepanjang kursus yang diikutinya.


18. Diberi kelayakan/kemudahan penginapan, makan, minum, kemudahan sukan, dan kemudahan-kemudahan lain, sama atau setaraf seperti kelayakan/kemudahan yang diberi kepada peserta luar INSTUN;

#### **TARIKH KUAT KUASA**

19. Surat Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“MENDAHULUI CABARAN”**



**(HJ. ZAINAL ABIDIN BIN HJ. ARSHAD)**

Pengarah

Institut Tanah dan Ukur Negara

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Tarikh: 26 Mac 2009

Edaran kepada semua Pegawai / Kakitangan INSTUN

*Disediakan oleh :*

*Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)*

*Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)*